

# SAR: Hati-hati fitnah Pas

UM 22 FEB 2003

KUALA KRAI 21 Feb. — Rakyat diminta lebih berhati-hati dengan fitnah Pas termasuk tindakan parti itu mengadakan solat hajat politik kononnya untuk menyelamatkan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata, ini kerana kerajaan tidak akan menutup SAR sebagaimana fitnah yang ditabur oleh Pas di masjid-masjid dan madrasah-madrasah di seluruh negeri.

Beliau berkata, sebaliknya apa yang hendak dilakukan oleh kerajaan ialah memantapkan pendidikan agama dan ini melalui penyusunan semula pendidikan Islam supaya ia lebih baik seterusnya membolehkan rakyat menghayati nilai-nilai sebenar Islam.

Katanya, antara tindakan itu ialah menambah waktu pembelajaran agama pada petang dan kemungkinan mengajar ba-

hasa Arab sebagaimana yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini.

“Yang kita nak buat untuk mengukuhkan pendekatan Islam, bukan menutup SAR. Kita tak kacau Sekolah Agama Negeri (SAN), sekolah agama swasta kerana mereka berdaftar dan mereka boleh menjalankan program pendidikan mereka,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan UMNO Empat Peringkat Bahagian Kuala Krai di Bangunan Kemas Jajahan di sini.

Mustapa berkata, UMNO amat dukacita dengan fitnah yang ditabur oleh Pas itu kerana ia merupakan satu pembohongan dan tindakan tidak bertanggungjawab bagi mengabui mata rakyat.

Ditanya tentang tindak-

tem pendidikan Islam di Malaysia, bukan nak tutup SAR. Nak mengukuhkan, itu yang kita nak buat.

“Jadi, solat hajat ini untuk apa? Kita nak buat perkara yang lebih baik, maka patut kita bersyukur dengan langkah kerajaan ini,” jelas beliau. Menurutnya lagi, taktik yang digunakan Pas itu ialah satu usaha kempen pilihan raya mereka, tetapi berpendapat rakyat Kelantan sudah tahu sangat dengan tipu muslihat Pas dalam hal ini.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, dalam menangkis fitnah Pas itu UMNO telah mengadakan program penerangan di seluruh negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK).

Katanya, bukti keberkesanan program penerangan itu dapat dilihat apabila kira-kira 1,140 guru dan lebih 3,000 pelajar SAR di negeri ini telah memohon untuk diserapkan ke sekolah aliran kebangsaan.

an Pas untuk mengadakan solat hajat di Stadium Sultan Mohd. Ke-IV malam esok, beliau berkata, parti itu memang sentiasa mengadakan solat hajat tetapi bukan atas niat yang ikhlas selain daripada untuk mengukuhkan kedudukan politik mereka.

“Kita tahu bahawa yang kerajaan nak buat ialah untuk mengukuhkan sis-